



Trend penyelidikan yang merujuk al-Qaradāwiy dalam Pubmed Central[®]

(Research trends referencing al-Qaradāwiy in PubMed Central[®])

Thuraya Ahmad^{1*} 

¹*School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 22 October 2024

Accepted 19 May 2025

Published 19 September 2025

Keywords:

al-Qaradāwiy

PMC

research

trends

Katakunci:

al-Qaradāwiy

penyelidikan

PMC

trend

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i2.3>

ABSTRACT

Al-Qaradāwiy is a prominent contemporary Islamic scholar recognised across the Muslim world. On the other hand, there are groups that express dissatisfaction with his views, leading to scathing attacks and various allegations against him. In tandem, there exists a perception that al-Qaradāwiy—often associated with extremist violence—is primarily referred by the Muslim world. Therefore, this study offers an insight into global research trends that reference al-Qaradāwiy. It adopts a bibliometric approach using the archive of PubMed Central[®] (PMC), a repository of high-quality academic research. This study gathers all research articles that cite al-Qaradāwiy in the archive and manually analyses the bibliometric data. A total of 18 relevant articles published between 2004 and 2022 were identified, with four of them originating from Islamic countries. Most of these articles reflect a positive view of al-Qaradāwiy, except for one from the United Kingdom, which presents a negative perception, and two others—from Indonesia and Canada—that remain neutral. Regarding the nature of the citations, 16 articles refer to his fatwas, one cites his opinion on a contemporary issue, and another mentions a positive reception to his arrival in an Islamic country. This study concludes that al-Qaradāwiy is predominantly recognised and referenced positively by scholars worldwide, and this recognition extends beyond Islamic nations. Thus, it suggests further research into global citation trends of other Islamic scholars to assess their scholarly influence.

ABSTRAK

Al-Qaradāwiy merupakan ulama kontemporari terkemuka dunia Islam. Namun begitu, pandangan dan pemikiran beliau mendapat kritikan dan tuduhan daripada pihak yang tidak menyokongnya. Umpamanya, terdapat persepsi yang menyebut bahawa al-Qaradāwiy dikaitkan dengan keganasan puak ekstremis dan hanya disenangi serta dijadikan rujukan oleh dunia Islam. Justeru persepsi ini menjadi permasalahan utama yang mendorong kajian ini untuk meninjau trend penyelidikan yang merujuk al-Qaradāwiy dari seluruh dunia. Kajian ini menggunakan pendekatan bibliometrik dengan memfokuskan kepada arkib PubMed Central[®] (PMC) yang hanya mengumpul penyelidikan bermutu tinggi. Kajian ini mengumpul semua penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy. Data bibliometrik tersebut kemudiannya diteliti secara manual untuk tujuan analisis. Hasilnya, kajian dapat mengumpulkan 18 penyelidikan yang bertarikh dari 2004 hingga 2022, empat daripadanya dihasilkan oleh negara Islam. Kesemua penyelidikan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: thuraya@usm.my

tersebut memberikan pengiktirafan positif kepada al-Qaradāwiy kecuali satu daripada United Kingdom yang memberi persepsi negatif dan dua daripada Indonesia dan Kanada yang masing-masing tidak menyatakan sebarang persepsi. 16 daripada penyelidikan tersebut merujuk fatwanya, manakala satu penyelidikan merujuk kepada pandangannya kepada isu dan satu lagi merujuk kepada sambutan masyarakat sebuah negara Islam terhadapnya. Berdasarkan analisis, dapat dirumuskan bahawa al-Qaradāwiy diakui sebagai tokoh yang berwibawa dalam kalangan ilmuwan di peringkat global dan bukan sekadar dalam negara-negara Islam. Adalah disarankan agar kajian tentang trend penyelidikan mengenai tokoh Islam yang lain dilaksanakan, untuk mengenal pasti tahap pengaruh mereka.

PENDAHULUAN

Yūsuf ‘Abdullāh al-Qaradāwiy (al-Qaradāwiy) merupakan tokoh ilmuwan Islam kontemporari yang terkemuka yang telah banyak melibatkan diri dalam dunia pendidikan, penulisan, pengeluaran fatwa dan pernyataan pendirian terhadap isu-isu semasa. Beliau dilahirkan di kampung Saft Turab, al-Gharbia, Mesir pada tahun 1926. Al-Qaradāwiy menyempurnakan hafazan al-Quran di kampung kelahirannya dan mendapat pendidikan di institusi al-Azhar bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Beliau telah dikenali kerana penglibatannya secara aktif dalam gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn (IM) sejak menjadi mahasiswa di Universiti al-Azhar lagi. Sepanjang penglibatannya, beliau menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan, bahkan pernah dipenjarakan pada zaman pemerintahan Raja Farouq dan zaman sistem pemerintahan republik setelah kejatuhan sistem beraja. Namun begitu, al-Qaradāwiy berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1973, dan mula bertugas di institusi pendidikan di bawah pentadbiran Kementerian Waqaf Mesir. Seterusnya, beliau bertugas di bahagian Pentadbiran Dakwah dan Bimbingan di bawah al-Azhar al-Syarif. Pada tahun 1961, beliau diutuskan untuk berkhidmat di Qatar dan pada sesi pengajian 1990/1991 diutuskan ke Algeria untuk mengetuai perkumpulan ilmiah institusi pendidikan di sana. Setelah itu, al-Qaradāwiy kembali semula ke Qatar untuk menerima mandat sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan Sunnah dan Sirah (al-Qaradāwī, 2023). Beliau akhirnya meninggal dunia di Doha, Qatar pada 26 September 2022 (Al Jazeera, 2022).

Sudah menjadi lumrah, setiap individu tidak mungkin disenangi oleh semua pihak. Malaysia Now (2022) menyifatkan beliau sebagai tokoh yang menjadi rujukan ilmuwan Islam di seluruh dunia. Dalam masa yang sama beliau mendapat kecaman daripada dunia barat lantaran pendirian beliau yang disifatkan sebagai kontroversi. Bahkan, terdapat kelompok Islam yang tidak serasi dengan beliau. The Counter Extremism Project (2022b) pula menyifatkan al-Qaradāwiy sebagai telah membuka jalan kepada keganasan dengan mengeksploitasi wacana Islam. Sehubungan dengan itu, The Counter Extremism Project (2022a) menyebut bahawa beliau tidak dibenarkan memasuki Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Perancis. Bahkan negara-negara Arab Islam iaitu Tunisia, Bahrain, Arab Saudi, Mesir dan Emiriah Arab Bersatu juga tidak menerima beliau. Kenyataan-kenyataan sedemikian menampakkan secara kasarnya seolah-olah al-Qaradāwiy hanya diterima oleh sebahagian dunia Islam, manakala sebahagian dunia Islam yang lain serta dunia barat berpandangan negatif terhadap beliau.

Bertujuan meninjau persepsi ilmuwan seluruh dunia secara kasar terhadap al-Qaradāwiy, kajian ini mengorak langkah untuk meninjau rujukan penyelidikan kepada beliau menggunakan pendekatan bibliometrik. Pendekatan bibliometrik bagi mengkaji tokoh Islam pernah dikemukakan oleh Abidin dan Abd Latif (2022) dalam artikel yang berjudul “Kajian Bibliometrik Penerbitan Mengenai al-Ghazali Dalam Pangkalan Data Scopus”. Kajian tersebut bertujuan untuk meninjau penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji kontemporari di seluruh dunia berkaitan tokoh Islam abad ke-5 Hijrah, Abu Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazzālī dalam pangkalan data Scopus. Hasilnya kajian tersebut mendapati ramai ilmuwan yang mengkaji tentang pemikiran dan sumbangan al-Ghazzālī dalam pelbagai bidang. Dari sudut analisis negara penyumbang, didapati penyelidikan datang dari 40

buah negara yang terdiri daripada negara Islam dan bukan Islam. Negara yang paling banyak menyumbangkan penyelidikan ialah AS dengan 57 penerbitan, diikuti Malaysia sebanyak 21 dan Kanada sebanyak 13. Selain tujuan mengkaji tokoh, pendekatan bibliometrik juga boleh digunakan untuk mengkaji topik atau subjek penyelidikan. Contohnya, Ismail et al. (2019) telah menggunakan analisis bibliometrik untuk mengkaji penyelidikan yang diterbitkan tentang pelancongan halal dalam bahasa Inggeris yang boleh diakses dari sumber Scopus, ProQuest dan EBSCOhost. Kajian tersebut mendapati penyelidikan dan carian tentang pelancongan halal bertaraf Scopus mempunyai kelebihan dari segi mutu dan gambaran hala tuju penyelidikan kontemporari.

Berkisar tentang tokoh kontemporari al-Qaradāwīy pula, tidak dapat dinafikan terdapat banyak penyelidikan yang dihasilkan tentang beliau. Antaranya, oleh Hasan (2013) dalam artikel yang berjudul “Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya”. Bertujuan menganalisis pemikiran intelektual dan sumbangan al-Qaradāwīy, kajian tersebut merujuk kepada karya dan kenyataan lisan oleh tokoh tersebut, di samping penulisan lepas yang mengkaji tentang beliau. Ia membincangkan konsep pembaharuan semula (*tajdīd*), intelektual awam, metod mempromosi idea, rangka kerja pemikiran intelektual al-Qaradāwīy dan penginstitusian idea dan pemikirannya. Kajian ini mendapati pemikiran beliau yang segar telah mengembalikan kefahaman Islam yang lebih menyeluruh dalam konteks dunia kontemporari.

Adapun kajian yang menyorot tentang sumbangan beliau dalam bidang Fiqh semasa, ia dikemukakan oleh Safian (2016) dalam artikel yang berjudul “*The Contribution of Yusuf Qaradawi to The Development of Fiqh*”. Kajian ini mendapati bahawa al-Qaradāwīy dalam memainkan peranannya sebagai ilmuwan, telah menampilkan ijtihad dan *tajdīd*. Beliau telah memainkan peranan yang inovatif bagi memberi jawapan kepada isu-isu kontemporari yang muncul dalam kalangan masyarakat Islam, sama ada yang tinggal di negara Islam atau negara bukan Islam. Pendekatan ini dilihat berkesan kerana seorang mujtahid sepatutnya mengetahui dalil-dalil, berhati-hati dalam mengeluarkan fatwa serta sangat peka dengan pemikiran ekstrem dan kejahilan agama. Pada masa yang sama ahli Fiqh perlu menimbangkan pandangan terbaik yang paling hampir dengan masyarakat dan dapat memudahkan mereka. Sumbangan besar al-Qaradāwīy dalam bidang Fiqh telah mendapat pengiktirafan ulama dan kalangan intelektual yang meletakkan beliau sebagai individu paling berpengaruh dalam dunia Islam.

Kedua-dua kajian tersebut telah memaparkan ketokohan al-Qaradāwīy sebagai ilmuwan yang membimbing masyarakat Islam dalam kehidupan sehariannya, terutama dalam isu-isu kontemporari yang memerlukan solusi. Namun begitu, kedua-dua kajian tidak menyorot penerimaan masyarakat yang lebih luas, iaitu yang tidak terbatas kepada komuniti Islam sahaja, terhadap al-Qaradāwīy. Oleh yang demikian, kajian ini berinisiatif untuk meninjau penerimaan kelompok akademik yang tidak hanya mewakili masyarakat Islam, dengan memfokuskan kepada pangkalan data PubMed Central® (PMC).

METODOLOGI

Kajian ini memilih pendekatan bibliometrik ke atas semua penyelidikan yang membuat rujukan kepada al-Qaradāwīy dalam arkib PubMed Central® (PMC) yang mengumpulkan kajian bermutu tinggi. Sebagai pengenalan kepada analisis bibliometrik, kajian ini memilih definisi yang diutarakan oleh Iftikhar et al. (2019) yang memperkenalkannya sebagai penilaian berbentuk perangkaan ke atas bahan penerbitan ilmiah seperti artikel, buku dan bab dalam buku. Analisis ini dianggap sebagai satu cara yang berkesan untuk mengukur pelbagai pengaruh dalam komuniti keilmuan. Ia boleh digunakan dalam semua topik dan bidang pengajian (Ülker et al., 2022). Analisis bibliometrik bukan hanya sinonim dengan bidang Sains Perpustakaan dan Sains Maklumat, bahkan juga digunakan secara meluas dalam analisis kutipan serta analisis kandungan. Adapun penggunaan analisis bibliometrik untuk mendapatkan maklumat tentang individu tersohor yang kontroversial, kajian sedemikian juga ada dijalankan, antaranya oleh Andersen et al. (2021). Mereka telah menghasilkan penyelidikan yang berfokus kepada seorang ilmuwan bidang psikologi, H. J. Eysenck (1916–1997).

Manakala PMC yang menjadi pangkalan data utama kajian ini, ia merupakan arkib di bawah mandat AS *National Institutes of Health's National Library of Medicine* (NIH/NLM). Arkib yang

berpangkalan di AS ini boleh diakses dalam talian secara percuma melalui laman sesawangnya. Ia mengumpulkan penyelidikan yang telah diterbitkan dalam bidang bioperubatan dan sains kehidupan sejak tahun 2000 (National Library of Medicine, 2022a). Walaupun maklumat laman sesawangnya tidak menyatakan tahap penyelidikan yang dikumpul, pengkaji mendapati bahawa arkib ini hanya mengandungi kajian bermutu tinggi yang diterbitkan dalam penerbitan berindeks. Bidang penulisan juga tidak terlalu terbatas kepada bidang bioperubatan, bahkan terdapat penyelidikan di luar bidang perubatan yang kemungkinan besar dirangkumkan oleh PMC dalam sains kehidupan.

Dengan menggunakan pendekatan bibliometrik, kajian ini mengumpul semua penyelidikan yang didapati ada merujuk kepada al-Qaradāwīy dalam arkib PMC. Pencarian literatur menggunakan kata kunci; al-Qaradāwī, al-Qaradhawī dan Qaradhawī. Ini bagi memastikan semua penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwīy dapat dikumpulkan. Pencarian ini tamat pada pukul 12.25 tengah hari, pada tarikh 30.11.2022. Kajian ini menumpukan kepada maklumat; tahun penerbitan, negara penyumbang, persepsi atau pengiktirafan yang dizahirkan kepada al-Qaradāwīy, isu yang dirujuk kepada al-Qaradāwīy dan kenyataan yang dinisbahkan kepada al-Qaradāwīy. Data bibliometrik tersebut kemudiannya diimbis secara manual untuk dilakukan analisis bagi mengenal pasti trend penyelidikan tersebut yang didapati merujuk kepada al-Qaradāwīy. Maksud merujuk kepada al-Qaradāwīy dalam kajian ini mencakupi perujukan kepada kenyataan yang beliau keluarkan atau reaksi masyarakat terhadap beliau.

HASIL KAJIAN

Kajian ini berjaya mengumpulkan 18 penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwīy dalam arkib PMC, di mana 13 daripadanya berkaitan dengan isu kesihatan dan lima berkaitan dengan isu-isu lain. Penyelidikan paling awal ialah pada tahun 2004 dan yang terakhir ialah pada 2022, dengan rekod tahun paling kerap ialah 2021 yang mencatatkan sebanyak empat penyelidikan. Kebanyakan penyelidikan dihasilkan oleh negara bukan Islam, iaitu sebanyak 14, manakala negara Islam mencatat angka empat.

Benua yang paling banyak menghasilkan penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwīy ialah Amerika Utara dengan menyumbangkan sebanyak tujuh penyelidikan. Penyelidikan-penyelidikan lain mewakili benua Asia, Eropah, Afrika dan Australia. Tidak terdapat penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik dari benua Amerika Selatan. Amerika Syarikat (AS) adalah negara yang paling banyak menyumbangkan penyelidikan iaitu sebanyak enam, diikuti oleh United Kingdom (UK) dengan empat penyelidikan, walaupun kedua-dua negara tersebut mengeluarkan kenyataan tidak membenarkan kemasukan al-Qaradāwīy ke tanah mereka. Kekekapan penyelidikan seterusnya diikuti oleh negara-negara seperti Israel, Kanada dan Turki dengan masing-masing menghasilkan dua penyelidikan. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun dianggap berbahaya, penyelidik negara berkenaan masih meletakkan kewajaran merujuk kepada al-Qaradāwīy bagi isu yang dibincangkan dalam penyelidikan mereka. Lebih-lebih lagi, kebanyakan penyelidikan mereka masih menzahirkan persepsi positif terhadap beliau dengan menukilkan ungkapan yang mengandungi maksud penghormatan atau penghargaan.

Kesemua penyelidikan memberi perakuan yang positif kepada al-Qaradāwīy kecuali satu dari UK yang memberi persepsi negatif dan dua dari Indonesia dan Kanada yang masing-masing tidak menyatakan sebarang persepsi. Persepsi positif yang dominan menunjukkan al-Qaradāwīy masih dianggap sebagai ulama Islam yang dihormati. Sementara itu, penyelidikan dari UK yang memberi persepsi negatif telah dihasilkan pada tahun 2004. Penyelidikan tersebut meletakkan tanggapan terhadap beliau dengan ungkapan “ulama Mesir kontroversi”. Hal ini membuktikan bahawa sudah terdapat tanggapan negatif terhadap al-Qaradāwīy sebelum berlakunya *Arab Spring* pada tahun 2010. Tanggapan negatif penyelidikan ini mempunyai kesinambungan dengan isu yang dibangkitkan, iaitu ancaman keselamatan yang berlaku kepada pekerja bidang kesihatan di Darfur, Sudan. Penyelidikan ini menganggap al-Qaradāwīy mengeruhkan lagi suasana dengan membuat kenyataan bahawa krisis yang muncul adalah konspirasi terhadap Islam, dan bahawa majoriti NGO yang berkhidmat di Darfur mempunyai peranan misionari.

Secara kasarnya isu-isu penyelidikan yang dikumpul dapat dibahagikan kepada isu kesihatan dan isu-isu lain. Sebahagian besar isu adalah berkaitan dengan fenomena kontemporari, dan selebihnya merupakan isu berkaitan maklumat fundamental tentang ajaran Islam. Meninjau isu kesihatan yang dirujuk kepada al-Qaradāwiy, terdapat dua isu fundamental berkaitannya iaitu; khatan perempuan dan kaitan antara kesihatan mental dan minuman beralkohol. Manakala isu kontemporari pula ialah keselamatan pekerja kesihatan, indoktrinasi jihad ekstrem yang menyebabkan masyarakat tidak mendapat hak asasi sepenuhnya dalam khidmat kesihatan awam, pemboikotan vaksin polio, transgender, keselamatan pekerja migran Islam di tempat kerja pada bulan Ramadhan, menangani pesakit yang berada pada peringkat antara hidup dan mati, mati otak dan pemindahan organ. Terdapat tiga penyelidikan yang menyentuh isu pemindahan organ, menjadikannya ia sebagai topik yang paling mendapat perhatian.

Meninjau isu-isu bukan kesihatan pula, terdapat tiga penyelidikan yang menyentuh isu fundamental dan dua penyelidikan yang berkaitan dengan isu kontemporari. Isu fundamental tersebut ialah niat yang suci dalam perniagaan, asnaf zakat dan populasi *Dār al-Islām*. Manakala isu kontemporari ialah pemerhatian AS terhadap IM sebelum Presiden Hosni Mubarak disingkirkan daripada kuasa di Mesir dan Perang Saudara Syria.

Melihat kepada kandungan yang dinisbahkan kepada al-Qaradāwiy, sebanyak 16 penyelidikan merujuk kepada fatwa beliau, satu penyelidikan merujuk kepada kenyataan beliau tentang isu dan satu penyelidikan kepada tindak balas masyarakat terhadap beliau. Hal ini menampakkan ketokohan beliau yang lebih signifikan sebagai pemberi fatwa, biarpun dalam kalangan bukan Islam. Kesemua fatwa dan keterangan al-Qaradāwiy diterima dengan baik kecuali yang menyentuh isu keselamatan. Oleh yang demikian, Penyelidik A, B dan Q yang mengutarakan isu keselamatan menzahirkan rasa tidak senang terhadap kenyataan beliau. Bagi mereka, kenyataan yang dikeluarkan telah menyumbang kepada keadaan tidak selamat di Darfur, Israel dan Syria.

Penyelidikan dari negara-negara Islam didorong oleh inisiatif memberi jawapan dan merungkai salah faham masyarakat Islam, sama ada di negara penyelidik atau negara Islam lain. Manakala penyelidikan dari negara-negara bukan Islam pula didorong oleh beberapa perkara. Antaranya ialah kebimbangan terhadap keselamatan nyawa mereka ekoran keganasan yang sering dikaitkan dengan umat Islam. Faktor lain termasuklah inisiatif untuk memahami syariah yang diamalkan oleh warga Islam yang tinggal di negara mereka, serta usaha untuk mengatasi cabaran berkaitan pekerja migran Muslim semasa bulan Ramadhan.

Berdasarkan data bibliometrik yang telah dikumpul dan dianalisis, dapat dibuktikan serta ditampikan trend yang wujud dalam penyelidikan-penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy. Penyelidikan yang telah tersedia dalam arkib atau pangkalan data dapat digabung dan diolah bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang topik-topik yang menjadi tumpuan para pengkaji.

PERBINCANGAN

Kesemua data yang telah diimbas secara manual kemudiannya dianalisis melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Melalui kajian kualitatif, kajian ini berjaya mengenal pasti beberapa elemen penting dalam setiap penyelidikan, iaitu tahun penerbitan, negara penyumbang, persepsi atau pengiktirafan terhadap al-Qaradāwiy, isu yang dibangkitkan serta kenyataan atau maklumat yang dirujuk oleh beliau. Manakala melalui kajian kuantitatif, kajian ini merekodkan sebanyak 18 penyelidikan yang dirujuk, yang mana setiap satu daripadanya diberi kod khusus menggunakan huruf rumi besar dari A hingga R. Analisis kuantitatif turut membolehkan penentuan bilangan penyelidikan berdasarkan beberapa kategori utama iaitu:

- i. Negara penyumbang (sama ada negara Islam atau bukan Islam)
- ii. Bentuk persepsi (positif atau negatif)
- iii. Jenis isu yang dibincangkan (isu kesihatan atau isu selain kesihatan)

Bagi mengklasifikasikan penyelidikan sebagai sumbangan kelompok Islam atau bukan Islam, kajian ini memilih untuk merujuk kepada negara penyumbang dan bukan nama individu pengarang. Hal ini demikian kerana nama pengarang tidak semestinya mencerminkan latar belakang atau kepercayaan akidah mereka. Sebaliknya, negara asal penyelidik boleh dikenal pasti secara lebih jelas sama ada merupakan negara Islam atau bukan Islam. Tambahan pula, sesebuah penyelidikan yang dihasilkan di bawah nama institusi negara tertentu —khususnya apabila melibatkan dana kerajaan — lazimnya adalah selari dengan prinsip nasional dan disasarkan untuk memenuhi kepentingan negara berkenaan. Meskipun kebanyakan negara kini berpegang kepada prinsip sekular dalam pentadbiran, pegangan kepercayaan tetap mempunyai pengaruh dalam budaya pemikiran dan corak penyelidikan. Dengan justifikasi tersebut, kajian ini dapat merumuskan dan mengemukakan perincian bagi elemen-elemen utama yang dianalisis, sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Perincian maklumat penyelidikan yang merujuk al-Qaradāwiy dalam arkib PMC sehingga 12.25 tengahari, 30 November 2022

Rumus penyelidikan	Tahun penerbitan	Negara Penyumbang	Persepsi/ Pengiktirafan Kepada al-Qaradāwiy	Isu	Kenyataan/Maklumat al-Qaradāwiy
ISU KESIHATAN					
A	2004	UK	Ulama Mesir kontroversi	Keselamatan pekerja kesihatan	Krisis yang muncul adalah konpirasi terhadap Islam, dan majoriti NGO di Darfur ada peranan misionari
B	2018	Israel & AS	Ulama Islam Sunni	Indoktrinasi jihad ekstrem melahirkan masyarakat tidak mendapat hak asasi sepenuhnya dalam khidmat kesihatan awam	Kenyataan menyokong mengorbankan diri demi melawan musuh Allah
C	2007	Nigeria	Ulama Islam terkemuka	Pemboikotan vaksin polio	Tidak bersetuju dengan SCSN yang menolak vaksin
D	2021	Turki	Ulama Islam terkemuka di dunia	Khatan perempuan	Tiada nas untuk amalan berkhatan kepada perempuan
E	2020	Australia	Mufti global	Transgender	Dibenarkan bagi khunsa dengan pengesahan perubatan
F	2010	AS	Penyumbang fatwa paling banyak untuk IslamOnline	Kasihatan mental dan alkohol	Alkohol memudaratkan kesihatan mental
G	2019	Itali	Ulama Mesir berautoriti	Keselamatan pekerja migran di tempat kerja di bulan puasa	Dibenarkan berbuka puasa jika terlalu dahaga di tempat kerja
H	2013	UK	Ulama Islam	Keberanian perubatan untuk menghentikan hayat	Euthanasia dilarang dalam Islam
I	2020	AS & UK	Ada kedudukan dalam majlis fatwa	Alat bantuan hayat	Tidak digunakan jika tidak berguna. Diberhentikan penggunaan jika mudarat.
J	2011	AS & Kanada	Ulama kontemporari	Rawatan pesakit mati otak	Tidak perlu rawatan.
K	2011	Israel	Sheikh	Manfaat material menderma organ	Tidak dibenarkan menjual, boleh mendapat saguhati bagi penderma masih hidup bukan keluarga penerima.

L	2012	Belanda	Presiden ECFR	Pendermaan organ kepada bukan Islam	Dibenarkan kepada bukan kafir harbi
ISU-ISU LAIN					
N	2021	Indonesia	-	Niat yang suci dalam perniagaan.	Niat yang benar membawa manfaat dan menolak kemudaratannya untuk kini dan akan datang.
O	2021	Kanada	-	Asnaf zakat	Terdapat 8 golongan asnaf zakat
P	2014	AS	Pemimpin spiritual IM	Pemerhatian AS kepada IM sebelum Mubarak berundur	Sambutan pahlawan kepada beliau di Medan Tahrir
Q	2021	UK	Ulama Sunni terkemuka	Perang Saudara Syria	Kewajipan Sunni melawan jika berunsur penjajahan Syiah atas Ahli Sunnah
R	2022	Turki & Qatar	Sheikh	Populasi <i>Dār al-Islām</i>	Terdiri dari Muslim & <i>Dhimmi</i>

Sumber: National Library of Medicine, (2022b)

Perletakan rumus bagi setiap penyelidikan yang dikumpulkan dari A hingga R tidak disusun berdasarkan kronologi tahun penerbitan, sebaliknya disusun mengikut kategori topik yang secara umumnya dibahagikan kepada Isu Kesihatan dan Isu-isu Lain. Pembahagian ini dipilih berasaskan kepada fokus utama PubMed Central (PMC) sebagai sebuah arkib penyelidikan yang berteraskan bidang bioperubatan dan sains hayat. Justeru, penyelidikan yang berada di luar bidang tersebut tetapi turut dimuatkan dalam PMC mencerminkan inisiatif strategik arkib berkenaan untuk menyokong pengumpulan ilmu dalam bidang lain sebagai komitmen pelengkap terhadap wacana interdisiplin. Pengkategorian topikal ini bukan sahaja memudahkan analisis trend tematik, malah turut membolehkan kajian ini menilai ruang rujukan terhadap tokoh Islam seperti al-Qaradāwiy dalam bidang kesihatan awam dan sosial kontemporari secara lebih menyeluruh.

Analisis terhadap tarikh-tarikh penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy dalam arkib PMC menunjukkan bahawa penyelidikan pertama direkodkan pada tahun 2004, manakala yang terkini ialah pada tahun 2022. Tahun paling aktif dalam penerbitan penyelidikan yang menyentuh tokoh ini ialah 2021 dengan jumlah sebanyak empat penyelidikan. Secara keseluruhan, negara bukan Islam lebih dominan dalam menghasilkan penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy, berbanding negara Islam yang hanya menyumbang empat penyelidikan. Perincian bagi penyelidikan dari negara Islam adalah seperti berikut:

- i. Penyelidik C dari Nigeria (2007)
- ii. Penyelidik D dari Turki (2021)
- iii. Penyelidik N dari Indonesia (2021)
- iv. Penyelidik R, hasil usaha sama antara Turki dan Qatar (2022)

Dalam kalangan negara bukan Islam, Amerika Utara merupakan benua yang paling banyak menghasilkan penyelidikan berkaitan, dengan tujuh penyelidikan. Negara Amerika Syarikat (AS) sahaja menyumbang enam penyelidikan, termasuk tiga usaha sama dengan negara lain—iaitu Israel, Kanada dan United Kingdom (UK). Selain itu, Kanada turut menghasilkan satu penyelidikan secara bersendirian. Penyelidikan-penyelidikan lain datang dari pelbagai benua lain termasuk Asia, Eropah, Afrika dan Australia. Tiada sebarang penyelidikan dari benua Amerika Selatan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy ditemui dalam tempoh analisis ini.

Jelasnya, AS merupakan negara yang paling banyak menyumbang kepada penghasilan penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy, diikuti oleh UK dengan empat penyelidikan. Seterusnya, negara-negara seperti Israel, Kanada dan Turki masing-masing menyumbang dua penyelidikan. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, AS dan UK adalah antara negara yang

pernah mengeluarkan larangan terhadap kemasukan al-Qaradāwiy ke wilayah mereka atas alasan keselamatan dan pandangan politik. Namun begitu, hakikat bahawa beliau dianggap sebagai individu yang berbahaya oleh pemerintah negara-negara ini tidak menghalang penyelidik mereka untuk tetap merujuk kepada beliau dalam penyelidikan yang berkaitan dengan isu-isu semasa dan kritikal. Lebih menarik, kebanyakan penyelidikan ini memperlihatkan persepsi yang positif terhadap al-Qaradāwiy, dengan menukilkan ungkapan-ungkapan yang mencerminkan penghormatan dan penghargaan terhadap kepakarannya, khususnya dalam bidang fatwa dan pemikiran Islam kontemporari. Ini menggambarkan bahawa ketokohan ilmiah beliau tetap diiktiraf, meskipun wujud kontroversi politik terhadapnya.

Ungkapan persepsi atau penghargaan terhadap al-Qaradāwiy yang dinyatakan dalam penyelidikan-penyelidikan yang dianalisis mencerminkan pandangan penyelidik terhadap tokoh tersebut. Daripada 18 penyelidikan yang dirujuk, hanya dua—iaitu oleh Penyelidik N dan Penyelidik O—tidak menyebut sebarang ungkapan khusus berkenaan al-Qaradāwiy, sama ada positif mahupun negatif. Sebaliknya, 16 penyelidikan lain menzahirkan ungkapan yang bernada positif, menggambarkan penghormatan terhadap ketokohan dan sumbangan al-Qaradāwiy dalam pelbagai isu. Satu-satunya penyelidikan yang menampilkan persepsi negatif ialah penyelidikan A dari UK, yang menyifatkan beliau sebagai “ulama Mesir kontroversi” (Moszynski, 2004). Menariknya, penyelidikan ini diterbitkan pada tahun 2004, iaitu enam tahun sebelum berlakunya gelombang *Arab Spring* pada 2010. *Arab Spring* merupakan satu rangkaian protes dan pemberontakan besar-besaran yang dipacu oleh media sosial di beberapa negara Arab di Afrika Utara dan Timur Tengah, yang akhirnya menyumbang kepada kejatuhan rejim di Tunisia, Mesir, Libya, dan Yaman (Blakemore, 2019). Al-Qaradāwiy dikaitkan secara langsung dengan *Arab Spring* sebagai antara tokoh yang menyokong gerakan tersebut melalui ceramah dan kenyataan awamnya (Perry, 2022). Oleh itu, persepsi negatif yang telah dilaporkan dalam penyelidikan seawal 2004 membuktikan bahawa pandangan kritikal terhadap beliau telah pun wujud sebelum *Arab Spring* tercetus—menunjukkan bahawa kontroversi seputar peranan beliau dalam isu-isu geopolitik bukanlah fenomena baharu.

Berhubung dengan tinjauan terhadap isu yang dirujuk kepada jawapan atau aplikasi pandangan al-Qaradāwiy, didapati bahawa kesemua isu yang dikaitkan dengannya merupakan isu semasa, kecuali bagi lima penyelidikan yang menyentuh isu fundamental. Daripada lima tersebut, dua adalah berkaitan kesihatan, manakala tiga lagi merangkumi isu-isu lain. Dalam melakukan pengklasifikasian isu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada sub-isu yang secara langsung dirujuk kepada pandangan, jawapan atau pendirian al-Qaradāwiy, dan bukan kepada keseluruhan topik atau isu utama yang dibincangkan dalam penyelidikan. Ini bermakna bahawa meskipun sesebuah penyelidikan mungkin membincangkan pelbagai tema secara umum, hanya bahagian yang merujuk secara eksplisit kepada al-Qaradāwiy dijadikan asas kepada penyusunan tema dan analisis.

Isu Fundamental

Maksud isu fundamental ialah perkara asas yang telah difahami daripada nas Islam dan diajarkan untuk diamalkan dalam komuniti Islam. Perkara fundamental yang berkaitan dengan isu kesihatan, pertama dikemukakan oleh Penyelidik D dari Turki yang menyentuh tentang khatan perempuan dan kedua dikemukakan oleh Penyelidik F dari AS tentang hubungan antara minuman alkohol dan kesihatan mental. Penyelidik D mengemukakan amalan berkhatan ke atas kanak-kanak perempuan di sebahagian negara-negara di benua Afrika serta negara-negara lain iaitu Iraq, Yaman, Oman, Afghanistan, Malaysia dan Indonesia. Penyelidik mendapati bahawa berkhatan untuk wanita tidak mendatangkan manfaat kesihatan, bahkan merencatkan dari segi fizikal, psikologi dan kesihatan sosial dalam jangka masa pendek dan panjang. Ia merupakan malapetaka bagi kesihatan dan kepuasan seks wanita. Penyelidik juga meragui bahawa amalan ini disokong oleh nas Islam. Cuma terdapat nas hadith yang menyebut amalan khatan perempuan sebagai *makrumah* sahaja, dan dalam pada itu memberi maksud peri pentingnya klitoris kepada wanita, justeru Rasulullah SAW melarang pemotongan yang melampau. Oleh yang demikian, penyelidik merujuk kepada fatwa al-Qaradāwiy yang beliau sifatkan sebagai “ulama Islam terkemuka di dunia”. Penyelidik D mendapati al-Qaradāwiy menolak amalan berkhatan untuk perempuan. Beliau mengeluarkan kenyataan bahawa tiada nas Al-Quran, sunnah, ijmak, dan qiyas yang menjadi dalil bahawa amalan berkhatan tersebut

adalah wajib atau *mustahabb*. Pada pandangan beliau, ia adalah amalan beberapa kabilah secara turun temurun dari zaman jahiliah. Rasulullah SAW tidak melarang mereka tetapi mengingatkan supaya jangan keterlaluan melakukan pemotongan klitoris (Karaman, 2021).

Penyelidik F pula mengemukakan isu amalan meminum minuman beralkohol. Beliau mencetuskan isu ini memandangkan fenomena soalan mengenai minuman alkohol semakin ketara dalam kalangan orang Islam di negara bukan Islam yang terganggu dengan budaya meminum minuman tersebut. Oleh yang demikian, antara inisiatif penyelidik ialah mengumpul jawapan berkaitan dengan soalan tersebut. Antara jawapan tersebut adalah daripada al-Qaradāwiy yang beliau sifatkan sebagai “penyumbang fatwa paling banyak untuk IslamOnline”. IslamOnline merupakan sebuah laman sesawang yang dibangunkan dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris untuk memberi pengenalan tentang semua isu yang berkaitan dengan Islam (IslamOnline, 2022). Penyelidik F merujuk kepada kenyataan al-Qaradāwiy yang menyebut bahawa minuman beralkohol banyak memudaratkan kesihatan mental (Michalak et al., 2010).

Seterusnya tiga isu lain yang bukan isu semasa telah dikemukakan oleh Penyelidik N, O dan R. Penyelidik N dan Penyelidik O tidak menyatakan sebarang ungkapan yang menampakkan persepsi mereka terhadap al-Qaradāwiy, manakala Penyelidik R menyebut ungkapan “Sheikh” merujuk kepada beliau. Penyelidik N dari Indonesia menyentuh tentang konsep niat yang suci dalam perniagaan yang perlu mencakupi unsur iman, niat, amanah dan *al-ʿadālah*. Dalam bahagian yang membicarakan tentang niat tersebut, penyelidik merujuk kepada kenyataan al-Qaradāwiy bahawa niat yang benar membawa manfaat dan menolak kemudaratkan untuk masa kini dan masa akan datang (Alwi et al., 2021).

Penyelidik O dari Kanada pula menyentuh tentang konsep asnaf zakat dalam kajian yang memfokuskan kepada sebuah badan kebajikan tersohor di Mesir iaitu Pertubuhan Mustafa Mahmoud. Poster berkenaan asnaf zakat didapati ditampal di lokasi operasi pertubuhan tersebut, yang memaparkan lapan golongan penerima zakat iaitu; (1) orang miskin; (2) orang fakir; (3) pekerja zakat; (4) orang muallaf atau individu berpotensi memeluk Islam; (5) hamba yang dimerdekakan atau mereka yang ingin menebus diri untuk dimerdekakan; (6) penghutang (7) *ibn al-Sabīl* –yang kini tidak lagi merujuk kepada mereka yang menuju ke medan perang, tetapi merujuk kepada usaha membangunkan infrastruktur masyarakat; dan (8) orang bermusafir yang memerlukan bantuan kewangan untuk pulang ke negara. Penyelidik menyebut bahawa perincian mengenai kategori ini boleh dirujuk kepada al-Qaradāwiy (Mittermaier, 2021).

Manakala Penyelidik R dari Turki dan Qatar pula mengutarakan tentang fenomena tiga negara Islam iaitu Jordan, Bangladesh, and Turki yang membuka sempadan mereka kepada pelarian dari negara lain. Oleh kerana pelarian tersebut bukan semuanya beragama Islam, timbul persoalan tentang kedudukan mereka dalam populasi *Dār al-Islām*. Penyelidik R merujuk kepada pandangan al-Qaradāwiy yang menyatakan bahawa populasi *Dār al-Islām* terdiri daripada orang Islam dan orang bukan Islam yang digelar *dhimmī* (Mohammed & Jureidini, 2022).

Isu yang ditimbulkan oleh Penyelidik D, F, N, O dan R bukanlah perkara yang baharu dalam Fiqh Islam. Ia telah lama termaktub dan diamalkan dalam masyarakat Islam. Namun begitu, isu-isu ini tetap relevan untuk dikemukakan sama ada sebagai panduan berterusan atau sebagai jawapan kepada pertanyaan dan persoalan yang dibangkitkan oleh orang awam Islam serta golongan bukan Islam yang berminat untuk memahaminya.

Isu Kontemporari

Penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy berkaitan dengan isu kontemporari lebih banyak berbanding dengan isu fundamental. Perkara baharu yang sentiasa muncul dari semasa ke semasa menjadi cabaran kepada umat Islam untuk menanganinya dengan sebaik mungkin serta menyesuaikan diri dengan keadaan semasa tanpa memudaratkan diri dan masyarakat sekeliling. Daripada sejumlah 18 penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy, terdapat 13 yang membincangkan isu-isu yang muncul dalam konteks zaman kontemporari. Daripada jumlah tersebut, 11 penyelidikan berkaitan dengan isu kesihatan dan dua adalah daripada isu-isu lain.

Antara isu kontemporari ialah topik yang dikemukakan oleh Penyelidik A dari UK iaitu perihai krisis keselamatan pekerja kesihatan di Sudan disebabkan kerajaan yang tidak mengambil tindakan tegas sebagaimana yang diminta oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Bahkan kerajaan Sudan menjemput al-Qaradāwiy sebagai orang tengah yang tidak dapat membantu misi-misi kemanusiaan di sana. Beliau didapati muncul dalam rancangan televisyen Sudan dengan mengeluarkan kenyataan bahawa krisis yang berlaku adalah konspirasi terhadap Islam, dan majoriti badan-badan bukan kerajaan (NGO) di Darfur mempunyai peranan misionari serta mendakwa hanya terdapat empat pertubuhan Islam daripada sejumlah 53 agensi antarabangsa di Darfur. Penyelidik ini adalah satu-satunya yang melahirkan persepsi negatif terhadap al-Qaradāwiy sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya (Moszynski, 2004).

Isu yang dikemukakan oleh Penyelidik B dari Israel dan AS pula ialah indoktrinasi kebencian terhadap sesuatu kaum yang boleh menyebabkan berlakunya pembunuhan. Kejadian membunuh sesama warga memang telah berlaku di Bosnia, Rwanda, Darfur, Syria, dan Myanmar. Penyelidik juga mendakwa bahawa demonisasi atau menganggap Israel dan kaum Yahudi sebagai ancaman jahat juga turut berlaku. Masyarakat Yahudi telah menjadi mangsa kebencian Nazi dan golongan Islam seperti Hezbollah, Iran, golongan Wahhabi Arab Saudi dan kepimpinan Palestin. Jihad ekstrem pada pandangan Penyelidik B telah melahirkan masyarakat yang tidak mendapat hak asasi sepenuhnya dalam khidmat kesihatan awam sehingga sanggup melakukan pembunuhan. Penyelidik meletakkan isu ini untuk dicakna dalam penjagaan kesihatan termasuk kesihatan mental. Beliau menyifatkan al-Qaradāwiy sebagai ulama Islam Sunni yang bertanggungjawab kerana mengeluarkan kenyataan yang menyokong pengorbanan diri demi melawan golongan yang disifatkan sebagai musuh Allah (Richter et al., 2018).

Penyelidik C dari Nigeria pula mengemukakan isu pemboikotan vaksin polio di wilayah utara negara tersebut. Sebagaimana diketahui, majoriti penduduk di bahagian utara adalah beragama Islam (Pierri & Barkindo, 2016). Pada tahun 2003, dikatakan pemimpin politik dan agama di negeri-negeri Kano, Zamfara, dan Kaduna mengadakan kempen yang menyeru ibu bapa supaya tidak membenarkan anak-anak mereka diimunisasi dengan vaksin berkenaan. Mereka mendakwa bahawa vaksin tersebut dicampur dengan bahan-bahan anti kesuburan, HIV dan penyebab kanser. Dilaporkan bahawa masyarakat Islam Nigeria mula bersikap prejudis terhadap semua yang datang dari Barat sejak peristiwa 11 September 2001 lagi. Bertambah buruk apabila seorang doktor perubatan dari Kano bernama Datti Ahmed yang mengetuai Majlis Tertinggi Syariah Nigeria (*Supreme Council for Sharia in Nigeria, SCSN*) dilaporkan berkata:

“Vaksin polio telah dirosakkan dan dicemarkan oleh penjahat dari Amerika dan sekutu-sekutu Baratnya.”

Beliau juga dilaporkan berkata:

“Kami percaya golongan Hitler zaman moden sengaja memalsukan vaksin polio yang diberikan secara oral dengan memasukkan bahan anti kesuburan dan virus yang diketahui boleh menyebabkan HIV dan AIDS.”

Campur tangan AS di Iraq meningkatkan prejudis masyarakat Islam di sana kerana bagi mereka memerangi Timur Tengah adalah sinonim dengan memerangi Islam. Sehubungan dengan itu, Penyelidik C memetik reaksi al-Qaradāwiy yang disifatkan sebagai ulama Islam terkemuka terhadap isu tersebut. Al-Qaradāwiy yang menjadi Presiden Majlis Fiqh Antarabangsa tidak setuju dengan kenyataan SCSN. Hal yang demikian kerana vaksin polio yang sama telah terbukti berkesan di 50 negara Islam. Al-Qaradāwiy melahirkan kekesalannya terhadap kenyataan SCSN yang menjejaskan imej Islam dan memaparkannya sebagai bercanggah dengan sains dan kemajuan perubatan (Jagede, 2007).

Masalah golongan minoriti dalam masyarakat juga mendapat perhatian dalam isu kontemporari yang dikemukakan. Pertama, Penyelidik E dari Australia mengemukakan isu transgender dalam menangani masalah konservatisme masyarakat Islam. Menurut kajian yang dijalankan oleh *World Economic Forum* (2017) yang selesai pada 2016 ke atas 23 negara berkenaan toleransi masyarakat

terhadap golongan transgender, Australia berada pada tangga ke-9. Penyelidik E mengemukakan fatwa Muḥammad Sayyid Ṭantāwī yang mewakili ulama Ahli Sunnah dan fatwa Ruhollah Musavi Khomeini yang mewakili Syiah. Penyelidik mendapati, Ṭantāwī mengeluarkan fatwa bahawa golongan khunsa, yang mana mereka dilahirkan dengan masalah kelamin boleh dikira sebagai menghadapi penyakit yang perlu dirawat. Justeru, mereka boleh menjalani pembedahan jantina berdasarkan saranan doktor yang boleh dipercayai. Golongan selain daripada mereka tidak dibenarkan melakukan penukaran jantina. Khomeini yang mewakili Syiah juga berpandangan sedemikian. Penyelidik menonjolkan kekuatan fatwa tersebut dengan membawa pandangan ilmuwan Islam lain antaranya, al-Qaradāwī yang disifatkan sebagai mufti global. Penyelidik merujuk kepada al-Qaradāwī yang mengambil kira kebenaran melakukan pembedahan jantina sebagai kebajikan sosial dalam menyokong kebebasan, harga diri manusiawi dan persaudaraan sesama manusia (Zaharin & Pallota-Chiarolli, 2020).

Masalah golongan minoriti lain yang ditemui ialah isu keselamatan pekerja migran berasal dari negara-negara Mediterranean Timur (EMRO) yang dikemukakan oleh Penyelidik G daripada Itali. EMRO adalah singkatan kepada *Eastern-Mediterranean Region* yang terdiri daripada 21 buah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi dalam perlembagaan atau mempunyai majoriti penganut Islam (World Health Organization, 2022). Negara Itali telah lama menjadi tumpuan migrasi untuk mendapatkan pekerjaan (Reidy, 2020). Secara lebih terperinci, isu yang diketengahkan ialah berkaitan keselamatan pekerja migran tersebut yang terdedah kepada risiko mengalami kecederaan di tempat kerja. Lokasi tumpuan penyelidikan ialah di Timur Laut Itali. Berdasarkan penyelidikan, pekerja dari EMRO didapati signifikan mengalami kecederaan di tempat kerja semasa berpuasa pada bulan Ramadhan, yang jatuh pada musim bergelombang panas. Penyelidik memetik fatwa al-Qaradāwī yang beliau sifatkan sebagai ulama Mesir yang berautoriti, yang menyebut bahawa pekerja yang mengalami kehausan yang serius dibolehkan berbuka puasa (Riccò et al., 2019).

Selain daripada isu golongan minoriti, isu tentang golongan yang berada pada peringkat antara hidup dan mati juga dirujuk kepada al-Qaradāwī. Pertama, Penyelidik H dari UK menyoroti tentang isu euthanasia. Menurut penyelidik, definisi euthanasia didapati berbeza antara negara-negara dunia. Namun begitu, beliau mendefinisikannya sebagai campur tangan sengaja yang dijalankan dengan niat untuk menghentikan hayat sebagai cara melegakan penderitaan yang ditanggung. Penyelidik memetik fatwa al-Qaradāwī, yang beliau sifatkan sebagai ulama Islam, bahawa euthanasia atau juga dipanggil pembunuhan secara belas kasihan adalah dilarang dalam Islam. Ia dikira sebagai pembunuhan dan perlakuan sedemikian dikira sebagai dosa besar dalam Islam (Khan & Tadros, 2013).

Berbeza dengan isu Penyelidik H tentang pesakit yang masih mempunyai harapan untuk hidup biarpun mengalami penderitaan berat, isu penyelidikan I pula tentang pesakit yang sudah tidak mempunyai harapan untuk dirawat penyakitnya. Penyelidik I dari AS dan UK merujuk kepada al-Qaradāwī yang mereka sifatkan sebagai mempunyai kedudukan dalam majlis fatwa. Penyelidik merujuk kepada fatwa al-Qaradāwī yang menyebut bahawa hukum mendapat rawatan boleh dibahagikan kepada empat; wajib, sunat, harus dan afdal jika tidak mendapatkan rawatan. Beliau membenarkan penghentian rawatan bagi penyakit yang sudah tidak dapat ditangani dan kesembuhannya jika berlaku boleh dikira sebagai keajaiban. Secara terperinci, al-Qaradāwī menjelaskan bagi kes rawatan yang tidak menampakkan manfaat disunatkan agar tidak diberikan. Bagi yang sedang mendapat rawatan, jika didapati sudah tiada harapan untuk sembuh, pesakit sangat tenat, kesakitan bertambah atau mati otak, maka rawatan boleh dihentikan. Penyelidik I juga menambah bahawa *European Council for Fatwā & Research* (ECFR) yang diketuai oleh al-Qaradāwī telah mengeluarkan fatwa bahawa situasi kehilangan idrāk, iaitu bahagian pada otak yang dapat berfungsi untuk deria membolehkan rawatan tidak diberikan atau dihentikan kepada pesakit. Al-Qaradāwī secara peribadi telah menyamakan kehilangan idrāk pada otak atau mati otak dengan kematian sebenar, yang mana ia dikira sebagai keadaan yang membolehkan alat meneruskan hayat diberhentikan penggunaannya. Bagi kes pesakit tenat fasa akhir yang ingin diberikan rawatan semata-mata untuk terus hidup tetapi hanya menambahkan kesakitannya, al-Qaradāwī membolehkan rawatan tersebut tidak diberikan atau diberhentikan jika sedang diberikan (Mohiuddin et al., 2020).

Berhubungan dengan isu mati otak, Penyelidik J dari AS mengemukakan beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Antaranya dua perkara yang beliau merujuk kepada pandangan al-Qaradāwī

yang disifatkan sebagai ulama kontemporari. Perkara pertama ialah kewajaran mengaplikasikan larangan resusitasi yang dikenali sebagai *do not resuscitate* (DNR) atau mengaplikasikan wasiat cara menamatkan hayat yang dikenali sebagai *living will*. Penyelidik berpandangan bahawa ia dibolehkan dengan merujuk kepada al-Qaradāwiy. Perkara kedua ialah masa dan kos yang diperuntukkan oleh keluarga kepada pesakit yang sudah tiada harapan sembuh perlu diambil kira apabila mereka ingin menghentikan hayat. Penyelidik merujuk kepada al-Qaradāwiy yang menyarankan supaya mengambil kira penderitaan keluarga pesakit, serta gangguan kepada jadual dan kehidupan mereka disebabkan oleh terpaksa berada di hospital sepanjang tempoh resusitasi diteruskan (Khan et al., 2011).

Tidak terhenti pada isu pengakhiran usia manusia, hal-hal kontemporari dalam bidang kesihatan juga menimbulkan isu pemindahan organ manusia untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Terdapat tiga penyelidikan yang menyentuh tentang pemindahan organ. Pertama, Penyelidik K dari Israel mengemukakan isu pemberian faedah material kepada penderma organ. Penyelidik merujuk fatwa al-Qaradāwiy yang beliau sifatkan sebagai seorang syekh. Al-Qaradāwiy melarang penjualan organ agar ia tidak menjadi objek tawar-menawar. Bagaimanapun, dibenarkan memberi saguhati kepada penderma yang masih hidup dan bukan dari kalangan keluarga penerima (Natour & Fishman, 2011).

Sehubungan dengan keharusan menderma organ dalam Islam, penyelidik L dari Belanda menimbulkan persoalan tentang hukum Islam sekiranya penerima organ bukan beragama Islam. Bagi menjawab persoalan tersebut, penyelidik merujuk kepada fatwa al-Qaradāwiy yang beliau perkenalkan sebagai Presiden ECFR. Penyelidik memetik fatwa al-Qaradāwiy dalam simposium yang diadakan oleh *Islamic Organization for Medical Sciences* (IOMS) di Kuwait pada 23–26 Oktober 1989 tentang pemindahan organ. Beliau menjelaskan bahawa menderma organ adalah sama dengan melakukan amal jariah, dan ulama Islam memperakui bahawa orang Islam boleh berbuat kebajikan kepada bukan Islam. Tambahan pula, diketahui bahawa orang Islam yang berada di negara bukan Islam ada yang menerima organ daripada masyarakat setempat. Bagaimanapun, al-Qaradāwiy menegaskan bahawa orang Islam tidak dibenarkan menolong muhārib, iaitu orang bukan Islam yang terlibat dalam memerangi masyarakat Islam. Penyelidik juga menyebut bahawa al-Qaradāwiy dalam diskusi lain memasukkan juga dalam senarai larangan; orang bukan Islam yang melancarkan serangan intelektual serta orang murtad yang agresif dan memecah-belahkan umat Islam. Ilmuwan tersebut juga menjelaskan dengan lebih lanjut bagi kes kekurangan bekalan, organ orang Islam lebih utama didermakan kepada kaum keluarga penderma yang seagama, kemudian orang Islam yang lain, dan seterusnya kepada orang bukan Islam (Ghaly, 2012).

Seterusnya, Penyelidik M dari AS yang arif dengan definisi mati dalam Islam sebagaimana yang telah disebut dalam penyelidikan sebelumnya. Bagi membuktikan bahawa organ si mati boleh dimanfaatkan menurut Islam, penyelidik merujuk kepada fatwa al-Qaradāwiy yang beliau sifatkan sebagai ulama Islam. Penyelidik memetik kenyataan al-Qaradāwiy dalam Kongres Pemindahan Organ yang berlangsung di Abu Dhabi pada tahun 1998 yang menekankan bahawa hukum menderma dan memindahkan organ adalah dibenarkan dengan syarat usaha tersebut mematuhi semua nilai moral dan agama (Rady & Verheijde, 2014).

Penyelidikan yang dinyatakan di atas adalah berkenaan dengan isu kontemporari berkaitan bidang kesihatan. Seterusnya, meninjau kepada isu-isu kontemporari lain, terdapat dua penyelidikan yang merujuk kepada al-Qaradāwiy. Pertama, Penyelidik P dari AS yang menyebut al-Qaradāwiy sebagai pemimpin spiritual IM. Penyelidikan ini mengkritik dasar luar AS yang bersikap terbuka dengan IM sebelum kejatuhan Presiden Hosni Mubarak. Penyelidik tersebut menyebut bahawa al-Qaradāwiy telah mendapat sambutan sebagai pejuang di Medan Tahrir, Kaherah pada masa tersebut (Pierce, 2014).

Kedua ialah Penyelidik Q dari UK yang mengemukakan isu persengketaan kontemporari antara golongan Ahli Sunnah dan golongan Syiah sehingga boleh membawa kepada peperangan saudara. Peperangan saudara di Syria disifatkan sebagai konflik antara dua aliran, iaitu golongan Syiah Alawi yang minoriti berkuasa, manakala golongan Ahli Sunnah yang majoriti memberontak. Penyelidik menyifatkan bahawa antara yang mendorong persengketaan ini ialah ulama-ulama Islam, antaranya al-Qaradāwiy yang diperkenalkan sebagai ulama Sunni terkemuka. Penyelidik memetik fatwa beliau yang menyebut bahawa sekiranya peperangan saudara di Syria adalah perancangan puak Syiah yang

menceroboh, menjadi tugas setiap orang Islam yang terlatih dalam pertarungan untuk menghadirkan diri (Brownlee & Ghiabi, 2021).

Demikianlah isu kontemporari yang dibangkitkan dalam penyelidikan PMC yang merujuk kepada kenyataan atau pendirian al-Qaradāwī. Isu dalam bidang kesihatan menyentuh tentang keselamatan pekerja perkhidmatan kesihatan antarabangsa di negara-negara yang dilanda pergolakan, masalah kesihatan akibat sentimen dalaman yang mengancam kedamaian antara kaum, pemboikotan vaksin polio, transgender, keselamatan pekerja migran Islam semasa berpuasa, euthanasia, pilihan antara rawatan atau DNR kepada pesakit yang dikesan melalui kaedah moden sebagai sudah tiada harapan untuk sembuh atau mati otak dan pemindahan organ. Manakala isu selain bidang kesihatan ialah dasar luar AS terhadap IM semasa bermulanya *Arab Spring* di Mesir dan perang saudara Sunni-Syiah di Syria.

Dorongan Perujukan Kepada Al-Qaradāwī

Perujukan penyelidikan negara-negara Islam kepada fatwa al-Qaradāwī adalah fenomena biasa, lantaran masyarakatnya memerlukan jawapan dan solusi daripada tokoh keagamaan mereka. Penyelidik C, D, N dan R daripada negara Islam mengemukakan isu masing-masing yang berobjektifkan pencarian jawapan dan penyelesaian untuk komuniti Islam. Komuniti Islam yang difokuskan dalam penyelidikan mereka tidak semestinya berada di negara penyelidik. Ini terbukti apabila Penyelidik N dari Indonesia mengemukakan topik tentang etika perbankan Islam secara umum. Penyelidik ini mendatangkan nasihat al-Qaradāwī yang menyeru kepada niat yang benar dan menolak kemudharatan sebagai pedoman untuk semua. Penyelidik R dari Turki dan Qatar pula mengutarakan tentang fenomena tiga negara Islam iaitu Jordan, Bangladesh, and Turki yang membuka sempadan mereka untuk pelarian daripada pelbagai agama daripada negara lain.

Oleh yang demikian, penyelidik mendatangkan fatwa al-Qaradāwī sebagai panduan berinteraksi dengan pelarian bukan Islam. Penyelidik D dari Turki pula mengemukakan amalan berkhatan ke atas kanak-kanak perempuan di sebahagian negara di benua Afrika dan sebilangan kecil daripada negara di benua Asia. Penyelidik tersebut merujuk kepada al-Qaradāwī untuk menjelaskan bahawa amalan berkhatan untuk perempuan bukanlah berasaskan nas Islam. Berlainan dengan Penyelidik C dari Nigeria yang memfokuskan kepada komuniti Islam tempatan di wilayah utara yang memboikot vaksin polio. Sebagai usaha untuk menjelaskan bahawa tindakan mereka tidak berasas, penyelidik mendatangkan pandangan al-Qaradāwī yang tidak bersetuju dengan tindakan komuniti tersebut. Lokasi fenomena yang mendorong pengkaji negara Islam menjalankan kajian tersebut menunjukkan keprihatinan mereka bukan hanya terbatas kepada masyarakat tempatan, bahkan juga kepada masyarakat Islam di tempat lain.

Sekiranya penyelidik dari negara-negara Islam didorong oleh rasa tanggungjawab untuk memberikan solusi kepada masyarakat mereka, hal tersebut boleh dianggap sebagai sesuatu yang lazim. Namun demikian, perujukan kepada al-Qaradāwī oleh penyelidik dari negara bukan Islam menimbulkan persoalan yang menarik untuk dianalisis. Berdasarkan kajian terhadap penyelidikan dari 14 negara bukan Islam, dapat dikenal pasti beberapa corak dorongan di sebalik perujukan tersebut. Pertama, dorongan untuk menjaga keselamatan komuniti Yahudi di Israel, sebagaimana ditampilkan oleh Penyelidik B dari Israel dan AS. Justeru, penyelidik tersebut melahirkan kekecewaan terhadap kenyataan fatwa al-Qaradāwī yang menyokong tindakan mengorbankan diri demi melawan musuh Allah. Dorongan yang hampir serupa turut ditunjukkan oleh Penyelidik A dari United Kingdom, yang prihatin terhadap keselamatan petugas kesihatan daripada pelbagai latar belakang bangsa dan agama di Darfur, Sudan. Penyelidik ini merujuk kepada kenyataan al-Qaradāwī berkenaan wujudnya konspirasi memusuhi Islam di sebalik konflik Darfur, yang dinilainya sebagai sangat mengecewakan.

Kedua ialah dorongan untuk memahami syariat Islam yang diamalkan oleh warga Muslim yang menetap di negara mereka. Corak dorongan ini merupakan yang paling dominan, sebagaimana yang dapat dilihat dalam penyelidikan oleh tujuh orang penyelidik. Penyelidik E dari Australia berusaha menyingkap kedudukan transgender dalam Islam, lalu merujuk kepada pandangan al-Qaradāwī yang membolehkan penukaran jantina bagi golongan khunsa, dengan syarat disahkan secara perubatan. Penyelidik F dari Amerika Syarikat pula mengkaji pandangan Islam terhadap minuman beralkohol,

dengan merujuk kenyataan al-Qaradāwiy bahawa ia memudaratkan akal fikiran dan dilarang. Isu berkaitan pesakit yang berada di peringkat antara hidup dan mati turut mendapat perhatian penyelidik dari negara bukan Islam. Dalam topik ini, Penyelidik H dari United Kingdom mengenal pasti bahawa eutanasia adalah dilarang dalam Islam. Penyelidik I dari Amerika Syarikat dan United Kingdom pula memperoleh fatwa bahawa alat bantuan hayat tidak perlu digunakan jika rawatan tidak lagi membawa manfaat dan hanya memudaratkan pesakit.

Sementara itu, Penyelidik J dari Amerika Syarikat dan Kanada mendapati bahawa rawatan ke atas pesakit yang telah disahkan mengalami mati otak tidak perlu diteruskan. Selain itu, penyelidik dari negara bukan Islam turut berminat untuk memahami hukum-hakam Islam berkaitan pemindahan organ. Penyelidik K dari Israel mengenal pasti bahawa penjualan organ adalah dilarang dalam Islam. Penyelidik L dari Belanda pula memahami bahawa pendermaan organ oleh Muslim kepada bukan Islam adalah dibolehkan, asalkan penerima bukan terdiri daripada golongan kafir ḥarbi. Manakala Penyelidik M dari Amerika Syarikat mendapati bahawa pendermaan organ oleh si mati adalah diharuskan selagi mematuhi prinsip moral dan ajaran agama.

Dorongan seterusnya adalah atas dasar keprihatinan terhadap pekerja migran beragama Islam. Berkaitan hal ini, Penyelidik G dari Itali berinisiatif untuk mencari penyelesaian kepada pekerja Islam di utara negaranya yang mencatat kadar kecederaan yang tinggi semasa bekerja pada bulan Ramadan yang jatuh pada musim gelombang panas. Beliau mendapatkan fatwa al-Qaradāwiy yang menyebut bahawa mereka dibolehkan berbuka puasa jika terlalu dahaga di tempat kerja.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis bibliometrik yang memfokuskan kepada arkib PMC daripada tahun 2004 hingga 2022 ini, dapat disimpulkan bahawa al-Qaradāwiy lebih cenderung diiktiraf sebagai tokoh yang mempunyai kedudukan tersendiri dalam kalangan para ilmuwan dunia. Kebanyakan penyelidikan yang merujuk al-Qaradāwiy adalah daripada negara bukan Islam, walaupun beliau diketahui menerima tanggapan negatif sebagai penyokong keganasan. Hal ini dapat dibuktikan daripada jumlah 18 artikel yang merujuk al-Qaradāwiy, sebanyak 14 daripadanya dihasilkan oleh penyelidik dari negara bukan Islam. Penyelidikan yang kebanyakannya dalam bidang kesihatan tetap merujuk pandangan dan fatwa beliau sebagai jawapan kepada permasalahan yang diketengahkan. Selain itu, sebanyak 15 penyelidikan memberikan pengiktirafan positif kepada al-Qaradāwiy yang menggambarkan penghormatan terhadap beliau sebagai ulama Islam. Persepsi positif yang dominan ini menunjukkan al-Qaradāwiy masih dianggap sebagai ulama Islam yang dihormati. Tuduhan kepada beliau sebagai individu berbahaya tidak menghalang penyelidik untuk merujuk pandangan beliau sebagai tokoh yang berwibawa dalam hal ehwal Islam. Analisis bibliometrik boleh digunakan untuk menyingkap persepsi golongan tertentu secara spesifik yang berkemungkinan berbeza daripada gambaran media massa dan arus perdana. Kajian ini menyarankan penyelidikan yang seumpamanya tentang tokoh Islam yang lain sama ada daripada zaman silam atau kontemporari, untuk mengenalpasti tahap pengaruh mereka.

SUMBANGAN PENULIS

Thuraya Ahmad bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan keseluruhan penulisan kandungan artikel yang terdiri daripada abstrak, pendahuluan, metodologi kajian, dapatan kajian, perbincangan dan kesimpulan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia yang memberi kemudahan dan kerjasama dalam menjayakan penulisan artikel ini.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan bahawa kajian ini dilakukan secara ilmiah daripada penyelidikan dan dapatan yang dilakukan sendiri dan tidak wujud sebarang kepentingan terhadap mana-mana pihak.

RUJUKAN

- Abidin, M.S.Z & Abd Latif, F. (2022). Kajian bibliometrik penerbitan mengenai al-Ghazali dalam pangkalan data Scopus. *Islāmiyyāt*, 44 (Isu Khas), 41-52. DOI: 10.17576/islamiyyat-2022-44IK-5
- Al Jazeera*. (2022). Wafāt al-‘Allāmat Yūsuf Al-Qaradāwiy al-Ra’īs al-Mu’assis li al-Ittiḥād al-‘Ālamī li ‘Ulamā’ al-Muslimīn. <https://mubasher.aljazeera.net/news/2022/9/26/>
- Al-Qaradāwī, Y. (2023). Al-sīrat al-dhātiyyah. <https://www.al-qaradawi.net/content/>
- Alwi, Z., Parmitasari, R. D. A. & Syariati, A. (2021). An assessment on Islamic banking ethics through some salient points in the prophetic tradition. *Heliyon*. 7(5). DOI: 10.1016/j.heliyon.2021.e07103
- Andersen, N., Corr, P. J. & Furnham, A. (2021). A bibliometric analysis of H. J. Eysenck's research output: Clarifying controversy. *Personality and Individual Differences*, 169. DOI: 10.1016/j.paid.2020.109935
- Blakemore, E. (2019). What was the Arab Spring and how did it spread? <https://www.nationalgeographic.com/culture/article/arab-spring-cause>
- Brownlee, B. J. & Ghiabi, M. (2021). The Mythological machine in the Great Civil War (2001–2021): Oikos and Polis in nation-making. *Middle East Critique*, 30(2), 127-148. DOI: 10.1080/19436149.2021.1911460
- Ghaly, M. (2012). Religio-ethical discussions on organ donation among Muslims in Europe: An example of transnational Islamic bioethics. *Medicine, Health Care, and Philosophy*, 15(2), 207–220. DOI: 10.1007/s11019-011-9352-x
- Hasan, Z. (2013). Yusuf Al-Qaradawi dan sumbangan pemikirannya. *Global Journal Al-Thaqafah*. Vol. 3(1), 51-66.
- Iftikhar, P. M., Ali, F., Faisaluddin, M., Khayyat, A. De Sa, M. D. G. & Rao, T. (2019). A bibliometric analysis of the top 30 most-cited articles in *Gestational Diabetes Mellitus Literature* (1946-2019). *Cureus*, 11(2): e4131. DOI:10.7759/cureus.4131
- IslamOnline*. (2022). About us. <https://islamonline.net/en/about-us/>
- Ismail, M., Ismail, M.N., Othman, R., & Ismail, M.S. (2019). Halal tourism research bibliometric analysis in Scopus, ProQuest and Ebscohost. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2), 31-44.
- Jagede, A. S. (2007). What led to the Nigerian boycott of the Polio Vaccination Campaign? *PLoS Medicine*, 4(3). DOI: 10.1371/journal.pmed.0040073
- Karaman, M. I. (2021). Female circumcision debate: A muslim surgeon’s perspective. *Turkish Journal of Urology*, 47(3), 193–198. DOI: 10.5152/tud.2021.20546
- Khan, F. & Tadros, G. (2013). Physician-assisted suicide and euthanasia in Indian context: Sooner or later the need to ponder! Dalam R. Bipeta (Ed.). *Indian Journal of Psychological Medicine*, 35(1). (101–105). DOI: 10.4103/0253-7176.112220
- Khan, F. A., Badawi, G., Davidson, R. J. K. & Smith, F. A. (2011). Monotheistic faith perspectives on brain death, DNR, patient autonomy and health care costs. *Journal of the Islamic Medical Association of North America*, 43(3), 113–133. DOI: 10.5915/43-3-8982

- Malaysia Now*. (26 September 2022). Prominent Islamic scholar Yusuf Qaradawi dies at 96. <https://www.malaysianow.com/out-there-now/2022/09/26/prominent-scholar-yusuf-qaradawi-dies-at-96>
- Michalak, L., Trocki, K. & Katz, K. (2010). "I am a Muslim and my dad is an alcoholic -- What should I do?": Internet-based advice for Muslims about alcohol. *Journal of Muslim Mental Health*, 4(1), 47-66. DOI: 10.1080/15564900902771325
- Mittermaier, A. (2021). Non-compassionate care: a view from an Islamic charity organization. *Religion and Human Rights*, 15(2), 139-152. DOI: 10.1007/s11562-020-00457-9
- Mohammed, H. & Jureidini, R. (2022). Umma and the nation-state: dilemmas in refuge ethics. *Journal of International Humanitarian Action*, Vol. 7. DOI: 10.1186/s41018-022-00124-z
- Mohiuddin, A., Suleman, M., Rasheed, S. & Padela, A. I. (2020). When can Muslims withdraw or withhold life support? A narrative review of Islamic juridical rulings. *Global Bioethics*, 31(1), 29-46. DOI: 10.1080/11287462.2020.1736243
- Moszynski, P. (2004). Continuing violence in Sudan prompts calls for sanctions. *BMJ*, 329:592. DOI: 10.1136/bmj.329.7466.592-a
- National Library of Medicine. (2022a). About PMC. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/about/intro/>
- National Library of Medicine. (2022b). PubMed Central. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc>
- Natour, A. & Fishman, S. (2011). Islamic Sunni mainstream opinions on compensation to unrelated live organ donors. *Rambam Maimonides Medical Journal*, 2(2). DOI: 10.5041/RMMJ.10046
- Perry, T. (2022). *Obituary Sheikh Qaradawi*, Islamist champion of Arab revolts, dies at 96. <https://www.reuters.com/world/middle-east/obituary-sheikh-qaradawi-islamist-champion-arab-revolts-dies-96-2022-09-26/>
- Pierce, A. R. (2014). US "partnership" with the Egyptian Muslim Brotherhood and its effect on civil society and human rights. *Society*, Vol. 51, 68-86. DOI: 10.1007/s12115-013-9740-3
- Pierri, Z. & Barkindo, A. (2016). Muslims in Northern Nigeria: Between challenge and opportunity. Dalam R. Mason (Ed.), *Muslim Minority-State Relations*. New York: Palgrave Macmillan. DOI: 10.1007/978-1-137-52605-2_6
- Rady, M. Y. & Verheijde, J. L. (2014). The moral code in Islam and organ donation in Western countries: reinterpreting religious scriptures to meet utilitarian medical objectives. *Philosophy, Ethics, and Humanities in Medicine*, Vol. 9. DOI: 10.1186/1747-5341-9-11
- Reidy, E. (2020, May 14). In the news: Italy to grant undocumented migrants work permits. *The New Humanitarian*. <https://www.thenewhumanitarian.org/news/2020/05/14/Italy-undocumented-migrants-work-permits>
- Riccò, M., Garbarino, S. & Bragazzi, N. L. (2019). Migrant workers from the Eastern-Mediterranean Region and occupational injuries: A retrospective database-based analysis from North-Eastern Italy. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(4). DOI: 10.3390/ijerph16040673
- Richter, E. D., Markus, D. K. & Tait, C. (2018). Incitement, genocide, genocidal terror, and the upstream role of indoctrination: can epidemiologic models predict and prevent? *Public Health Rev.*, Vol. 39. DOI: 10.1186/s40985-018-0106-7
- Safian, Y.H.M. (2016). The contribution of Yusuf Qaradawi to the development of Fiqh. *Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law*. 4(2016), 45-53. URL: <http://www.ejimel.uzh.ch>

- The Counter Extremism Project.* (2022a). Overview.
https://www.counterextremism.com/extremists/yusuf-al-qaradawi?gclid=Cj0KCQiAm5ycBhCXARIsAPldzoVsonxHUDvlgN75uWDEQ4hTeD072d3X9DsXuGkc-N-WqRcEUEsVXPIaAtu-EALw_wcB
- The Counter Extremism Project.* (2022b). Yusuf Al-Qaradawi's Ties to Extremists.
<https://www.counterextremism.com/yusuf-al-qaradawi>
- Ülker, P., Ülker, M. & Karamustafa, K. (2022). Bibliometric analysis of bibliometric studies in the field of tourism and hospitality. *Journal of Hospitality and Tourism Insights*. DOI: 10.1108/JHTI-10-2021-0291
- World Economic Forum.* (2017). Gender inequality: Transgender rights: How supportive is your country? <https://www.weforum.org/agenda/2017/01/transgender-rights-how-supportive-is-your-country/>
- World Health Organization. (2022). *Regional Office for the Eastern Mediterranean.*
<https://www.emro.who.int/countries.html>
- Zaharin, A. A. M. & Pallota-Chiarolli, M. (2020). Countering Islamic conservatism on being transgender: Clarifying Tantawi's and Khomeini's fatwas from the progressive Muslim standpoint. *International Journal of Transgender Health*, Vol. 21, 235-241. DOI: 10.1080/26895269.2020.1778238



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).